

# PANDUAN PENYEDIAAN PERANCANGAN AGIHAN PERUNTUKAN TAHUN 2024 (PERUNTUKAN MENGURUS)

- 1) Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu melengkapkan lampiran Waran Agihan Peruntukan Mengurus tahun kewangan 2024 mengikut keperluan vot PTj berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan.
- 2) PTj perlu mengemaskini perincian perbelanjaan setiap vot yang diagih menggunakan **Templat Permohonan Perancangan Perolehan dan Perbelanjaan PTj 2024** mengikut vot yang diagih. Perincian perbelanjaan setiap vot perlu dicetak dan dikepilkkan bersama lampiran Waran Agihan Peruntukan 2024 untuk di hantar ke Unit Pengurusan Bajet & SST mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

BIL	NAMA LAMPIRAN	BUTIRAN LAMPIRAN	PENGISIAN LAMPIRAN
1	Waran Agihan Peruntukan Mengurus	Agihan peruntukan setiap vot perlu diisi mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan.	Diisi oleh semua PTj.
2	Templat Permohonan Perancangan Perolehan dan Perbelanjaan PTj 2024 (kemaskini)	<p>Perincian perbelanjaan setiap vot yang diagih perlu dikemaskini menggunakan templat tersebut mengikut jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Perincian tersebut perlu dicetak dan di hantar bersama lampiran Waran Agihan Peruntukan Mengurus 2024.</p> <p><b>Nota :</b> mohon rujuk templat (microsoft excel) perancangan asal 2024 untuk dikemaskini berdasarkan kepada kelulusan sebenar tahun 2024.</p>	Diisi dan dikemaskini oleh semua PTj.

- 3) Selain itu, semua PTj adalah dibenarkan membuat agihan peruntukan operasi kepada **Vot 35 (Harta Modal Lain/Inventori)** bagi tujuan perolehan aset dengan syarat-syarat seperti berikut;
  - (a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1: Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (Kemaskini 14 Julai 2022) mengenai para 3.28: Perolehan Aset Baharu;  
**Semua perbelanjaan bagi perolehan aset baharu termasuk pembelian kereta, perabot dan lain-lain kelengkapan pejabat yang tidak mendesak yang belum dipesan atau ditandatangani hendaklah ditangguhkan kecuali kelulusan khas MOF telah diperolehi.**

- (b) Agihan peruntukan Vot 35 (Harta Modal Lain/Inventori) perlu dibuat dengan teliti supaya peruntukan yang diluluskan adalah mencukupi bagi tujuan perbelanjaan operasi yang lain. Tiada tambahan peruntukan akan diberikan kepada PTj.
  - (c) Pengelasan perolehan Vot 35 (Harta Modal Lain/Inventori) harus tepat bagi mengelakkan peralatan tersebut dibeli menggunakan peruntukan Vot 27/28/29.

*"Harta Modal Vot 35 adalah perolehan bagi peralatan yang berharga minimum RM500.00 dan ke atas. Item tersebut merupakan barang tidak luak yang mempunyai jangka hayat melebihi setahun."*
  - (d) Perolehan Vot 35 (Harta Modal Lain/Inventori) yang melibatkan peralatan/perkakasan yang berkaitan ICT perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pemandu ICT terlebih dahulu.
  - (e) Senarai Vot 35 yang dilampirkan akan dikemukakan kepada Unit Perolehan Tender dan Sebut Harga Jabatan Bendahari untuk tujuan penyelarasan permohonan kelulusan kepada Naib Canselor/KPT/MOF.
  - (f) Semua pengeluaran Pesanan Belian Vot 35 (Harta Modal Lain/Inventori) adalah perlu melalui permohonan kepada Unit Perolehan Tender dan Sebut Harga, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Bendahari.
- 4) Agihan peruntukan tahun 2024 PTj hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari selewat-lewatnya pada **12 Januari 2024 (Jumaat)**. Selain itu, tiada tambahan peruntukan akan diberikan kepada PTj bagi tahun 2024.
- 5) **Salinan softcopy lampiran Waran Agihan Peruntukan Mengurus boleh dimuat turun di laman sesawang Jabatan Bendahari UniMAP (Jabatan Bendahari UniMAP >Departmental Form > Waran Agihan Peruntukan Mengurus Tahun 2024)**

## WARAN AGIHAN PERUNTUKAN MENGURUS

Pusat Tanggungjawab :

Tahun Kewangan : 2024

Peruntukan Diluluskan (RM):

<b>VOT</b>	<b>PERUNTUKAN OPERASI</b>	<b>AGIHAN VOT (RM)</b>
14	Elaun Lebih Masa	
21	Perjalanan dan Sara Hidup	
23	Perhubungan dan Utiliti	
24	Sewaan	
25	Bahan Makanan dan Minuman	
26	Bekalan Bahan Mentah untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	
27	Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	
28	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	
29	Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	
35	Harta Modal	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		

**NOTA PENTING :**

- 1) Sila kemaskini perincian perbelanjaan bagi setiap vot mohon rujuk templat (microsoft excel) perancangan asal 2024 untuk dikemaskini berdasarkan kepada kelulusan sebenar tahun 2024
- 2) Bagi belanja terakru 2023 akan ditolak daripada peruntukan operasi tahun 2024 PTj sekiranya baki peruntukan 2023 tidak mencukupi. (jika ada / berkaitan)

Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab

.....  
 Nama :  
 Cop Jawatan :  
 Tarikh :